

AGAMA DAN KEWAJIPANNYA KEPADA MANUSIA

ERTI AGAMA DAN TUJUANNYA

(Oleh Za‘ba)

Setelah menamatkan rencananya yang telah disiarkan di dalam “Qalam” berturut-turut mengenai Bahasa Melayu, maka pada kali ini Tuan Za‘ba menghidangkan pula rencananya berkenaan “Agama dan Kewajipannya Kepada Manusia”. Tulisannya yang berharga ini akan disiarkan oleh Qalam berturut-turut-P.

(I)

“Ugama” (atau Igama atau Agama) biasa difahamkan oleh kebanyakan orang ialah sesuatu “sistem” atau susunan pengajaran yang mengaturkan kepercayaan manusia berkenaan dengan Tuhan atau kuasa ghaib yang tertinggi serta segala hal yang bersangkutan dengannya dalam alam rohani. Di dalam peraturan itu adalah termasuk ajaran-ajaran menentukan bagaimana perhubungan manusia dengan Tuhannya itu dan bagaimana cara beribadat akan dia supaya ia suka, dan supaya manusia mendapat pahala dan balas keselamatan kemudian daripada mati kelak, iaitu di dalam kehidupan di “hari kemudian”. Berlain-lain agama adalah berlain-lain cara orangnya memahamkan apa yang dikatakan “Tuhan” dan “hari kemudian” itu; tetapi arah tujuan yang besar daripada “agama” pada faham orang banyak adalah satu dan bersamaan juga halnya walau pada pengikut apa agama pun. Tujuan itu tidak lain melainkan seperti kata tadi- mengaturkan kepercayaan manusia akan kuasa ghaib yang tertinggi (Tuhan), menentukan perhubungan diberi mereka dengan kuasa ghaib itu, dan membutirkan cara-cara beribadat akan dia supaya dia suka dan supaya mereka

dapat selamat di hari kemudian. Demikianlah fahaman yang terlebih hampir pada kebanyakan orang dalam segala agama.

Maka tidaklah banyak orang dalam apa agama pun yang faham atau yang memahamkan bahawa “agama” itu suatu peraturan hidup bagi memimpin manusia dalam kehidupan di dunia ini terhadap kelakuan dan perbuatan baik dan jahat, salah dan betul, sebagai persediaan bagi kehidupan di hari kemudian itu kelak. Pada halnya fahaman yang kedua inilah fahaman yang sebenar dan sebetulnya jika kehendak-kehendak agama hendak diaturkan atau dipersetujukan dengan kehendak-kehendak kehidupan manusia.

Di sini kita belum menyebut apa-apa satu agama khas-agama Islam umpamanya; tetapi hanyalah kita sebut dahulu “agama” dengan umum. Dalam dunia ini ada bermacam-macam agama dan jika kita perhatikan bulat-bulat ajaran tiap-tiap satu agama itu dengan kasar kemudian kita jumlahkan sekaliannya dengan umum, nescaya akan didapati semua agama adalah mengajar empat perkara:

Pertama: Menyuruh percaya dan berbuat baik (amal soleh);

Kedua: Melarang jangan tidak percaya dan jangan berbuat jahat;

Ketiga: Menjanjikan balasan baik bagi yang percaya dan berbuat baik;

Keempat: Menjanjikan balasan susah dan kecewa bagi yang ingkar dan berbuat jahat.

Jadinya nyatalah bahawa tujuan sebenarnya, bahkan yang utama dan terpenting sekali, daripada segala agama dan segala suruhan dan larangannya serta segala janji balasan senang dan susah yang dirinya ini ialah hendak hampir laku perangai manusia kepada jalan yang betul masa hidup di dunia ini, sama ada pada dirinya sendiri dan dalam perhubungannya dengan orang lain. Dengan jalan disuruh percaya dan berbuat baik itu, jika mereka ikut dan kerjakan, mereka akan terlatih pada kelakuan yang baik dan betul; dan dengan jalan dilarang daripada ingkar dan daripada berbuat jahat itu pula, jika mereka taat larangan itu, mereka akan terlatih menjauhi kelakuan yang jahat dan salah.

Maka kedua-dua perkara ini adalah pada jumlahnya bererti hendak memimpin dan membaki laku perangai manusia kepada jalan yang betul. Inilah tujuan yang pertama dan terpenting sekali, dan daripada ini bahaurlah berturut tujuan-tujuan yang lain, iaitu tujuan kedua bagi membetulkan kedudukan dan perasaan manusia manusia terhadap segala makhluk yang lain daripada manusia di dalam alam di sekelilingnya ini; dan tujuan ketiga bagi mengarahkan manusia kepada arahan yang betul berkenaan kedudukannya dan pertuhannya terhadap Tuhan yang telah menjadikan sekalian alam, dan terhadap lain-lain kuasa ghaib yang bukan Tuhan seperti malaikat, hantu syaitan, jin pari, dan lain-lain sebagainya itu.

Tetapi macam mana pun, tujuan yang pertama itulah yang sebenarnya terbesar dan kepala sekali; bahkan jika diamat-amati haruslah boleh kelihatan atau teras bahawa tujuan pertama itu memang mengandung dan meliputi kedua-dua tujuan lain

yang kemudian itu. Pendeknya sekali lagi diulang bahawa tujuan pertama itulah yang paling utama dan terpenting di antara segala tujuan yang boleh disebutkan; kerana hanya dengan disempurnakan tujuan yang pertama itulah sahaja bahaurlah boleh dapat segala kehasilan yang sangat diharap-harap dan dicita-cita oleh semua orang yang percayakan Tuhan dan hari kemudian-iaitu kehasilan yang sangat diharap-harap dan dicita-cita oleh semua orang yang percayakan Tuhan dan hari kemudian- iaitu kehasilan disukai oleh Tuhan serta beroleh selamat dan nikmat di dunia dan di akhirat.

Bahwasanya kehasilan yang tersebut ini hanyalah sebagai buah daripada sempurnanya tujuan yang pertama itu, dan tiadalah akan diperoleh “buah” itu jika sekiranya perjalanan hidup di dunia tidak mementingkan akhlak yang mulia iaitu kemuliaan perangai yang dimaksudkan dalam tujuan yang pertama itu sehingga menerbitkan tingkah laku kehidupan yang betul. Dengan perkataan yang lain, bahawa perkara mendapat keredaan Tuhan dan mendapat selamat dan nikmat dunia akhirat itu bukanlah dia tujuan agama. Melainkan tujuan agama ialah supaya manusia berkelakuan baik dan menjalankan kehidupan yang betul; kemudian maka daripada kehidupan berhasillah buahnya, iaitu keredaan dan nikmat selamat- yang kerap kali disangka dan dijadikan orang ialah tujuan agama pada hal bukannya.

Sekarang kita sebut agama Islam. Diriwayatkan dalam suatu hadis yang masyhur bahawa Rasulullah telah ditanya oleh beberapa orang sahabat pada suatu hari: Apakah erti agama atau apakah yang dikatakan agama itu? Jawab Rasul Allah “agama itu nasihat” (diulangnya tiga kali) maka ditanya lagi oleh mereka: “Nasihat siapa?” Nasihat Allah dan kitab-Nya dan Rasul-Nya dan pemimpin-pemimpin orang Islam dan segala orang Muslimin yang kebanyakannya” (yakni segala orang yang telah tunduk mengikut dan menjunjung nasihat itu). *Al-Dīn al-naṣīḥah wa likitābihī wa lirasūlīhī wa li’ummāti al-muslimīn wa ‘ammahatuhum-(Muslim)*. Perkataan ini ialah takrif yang sebenarnya membayangkan maksud dan tujuan agama.

“Nasihat” ialah perkataan yang diberi kerana menunjukkan jalan yang baik dan mengingatkan daripada jalan yang tiada baik- mengatakan mana jalan betul yang hendak diikut atau yang patut diikut, dan mana jalan salah atau jahat yang hendak disiahkan dan dijauhi. Petunjuk demikian diberi oleh Allah, dan oleh pesuruhnya setelah ia menerima daripada Allah; dan sayogianya pula hendaklah diberi dan panjangkan dia kepada orang lain oleh segala orang yang telah menerima petunjuk itu (muslimin) maka itulah dia dianamakan “agama”.

Adapun tentang hendak ikut dan dikerjakan atau tidak seperti yang dipetunjukkan dalam “nasihat”, itu terserahlah kepada orang yang diberi “nasihat” tidak ada paksaan dalamnya. Firman Tuhan: *Innā hadaynāh al-sabīl immā shākirān wa immā kafūrā: (Surah al-Dahr 3)*. Ertinya “Bahawasanya kami telah tunjukkan kepada manusia jalan yang betul itu, sama ada ia orang yang akan menerima dengan syukur atau yang tidak mahu menerima (terpulanglah kepada diri masing-masing)”. Jika diterima dan diikut petunjuk yang diberi itu, orang yang mengikut itu akan dapat baiknya; dan jika tidak diikut maka orang yang tiada diikut akan beroleh kejahatan. Tanggungan penasihat hanyalah memberi nasihat sahaja.

Sementara itu firmannya pula di dalam Surah al-‘Aṣr:

Wal ‘aṣr. Innal insāna lafi khusr. Illal ladhīna amanū wa ‘amilū al-ṣāliḥāt wa tawā ṣawwa bil haqqi wa tawā ṣaw bi al-ṣabr: (Surah al-‘Aṣr 1-3). Iaitu Tuhan menegaskan dengan mengambil persumpahan kepada masa; “Demi masa (atau waktu mengarah petang)! Bahawasanya manusia adalah di dalam keadaan rugi. Kecuali orang yang beriman dan mengerjakan kerja-kerja kebijakan serta berpesanan (bernasihat menasihatkan) antara seorang dengan seorang dalam perkara yang benar dan bernalasihat-menasihatkan suruh sabar” (yakni sabar menanggung susah pada mengerjakan kebijakan dan sabar daripada kejahatan)

.....jadi nyatalah “Agama” itu sebenarnya nasihat juga-nasihat suruh berbuat baik dan nasihat melarang jangan berbuat jahat. Nasihat itu diberi oleh Allah oleh Rasul-Nya setelah ia menerima daripada Allah dan kemudian patutlah diberi pula oleh segala orang lain yang telah menerima dan mengikut nasihat itu.

Berkenaan nasihat melarang pada pihak yang jahat dan salah, maka adalah tersebut dalam suatu ayat yang lain, iaitu tatkala Allah Ta‘ala menceritakan hal kaum Bani Israel telah dibinasakan pada zaman dahulu kala ia berfirman: *Kānū la yatānahawna ‘an mungkar fa‘alūhu labi ‘sa mā kānū yaf‘a lūn: (Surah al-Mā‘idah)*. Ertinya, “Adalah mereka itu bebas tidak berlarang-larangan (larang-melarang) antara seorang dengan lainnya daripada sesuatu kejahatan yang mereka kerjakan: Jahat sungguh perbuatan mereka membiasakan tak mahu larang melarang itu. “Yakni mereka itu telah dibalas dengan kejahatan, penderitaan dan rosak binasa ialah oleh sebab mereka tidak beringat-ingatan dan tidak melarang yang seorang akan yang lainnya apabila mereka berbuat barang kerja yang jahat dan salah.....jadinya kehendak ayat ini adalah menambahkan terangan lagi bahawa yang dikatakan “agama” itu tidak lain daripada nasihat juga pada kesudahan-kesudahan maksudnya; Dalam misal yang diberi ini ialah nasihat melarang daripada jalan jahat.

Lain lagi tersebut dalam suatu hadis yang masyhur pula: *Man ra‘a minkum munkaran afalyughayyirhu biyadihu, faillam yastaṭī‘ fabilisānih, fai llam yastaṭī‘ fabilqalbihī wadhālikā a‘aful imān -* (Rawwahu Aḥmad wa Muslim wa ashābu al-sanan kulluhum). Ertinya “Barangsiapa daripada kamu nampak sesuatu perkara yang salah atau jahat maka hendaklah ia betulkan kesalahan itu dengan tangannya (yakni dengan perbuatan); dan jika ia tiada upaya berbuat demikian maka hendaklah betulkan dengan perkataan lidahnya (yakni dengan nasihat atau bantahan); dan jika itupun ia tiada upaya juga (kerana

takutkan bahaya umpamanya) Maka hendaklah ia betulkan dengan hatinya sahaja (yakni hendaklah ia tetap mengeraskan tiada bersetujuinya diam-diam dalam hatinya sahaja, walaupun tiada siapa yang tahu akan yang demikian itu). Maka yang akhir ini ialah yang sekurang-kurang tanda iman: (yakni jikalau bantahan dalam hatinya itupun tidak ada, maka itulah menunjukkan imannya atau agamanya sudah tidak ada langsungjadi, daripada hadis ini nyatahal pula lagi bahawa membantah perkara jahat dan salah itu ialah kerja agama: Yang sebaik-baiknya hendaklah membantah dengan perbuatan, dan kurang daripada itu hendaklah membantah dengan perkataan. Tetapi jikalau dengan perkataan itu pun tidak dapat dilakukan, maka sekurang-kurangnya hendaklah membantah di dalam hati sahaja; Jikalau itu pun tiada ada, maka tidaklah ada lagi semangat agama pada orang itu, kerana ia memperkenankan kejahatan.

Akan tujuan segala petunjuk yang dibahaskan dengan nama “nasihat” ini ialah (seperti yang telah dikatakan di atas) kerana hendak melatih manusia kepada laku perangai yang baik di dalam dunia ini sebagai persediaan bagi mendapat kehidupan yang sejahtera di sini dan juga di negeri akhirat. Kerana sesungguhnya laku perangai yang baik dan kelakuan hidup yang betul itu ialah asas dan perkakas bagi mendapat kebahagiaan dan kesejahteraan yang sebenar, baik kebahagiaan dunia mahupun kebahagian akhirat. Jikalau laku perangai dan amal perbuatan dalam kehidupan di dunia ini tiada betul, nescaya bukanlah sahaja akan membawa kecewa dalam kedudukan hal ehwal kita di dunia sekarang, tetapi yang lebih dahsyat lagi ialah akan membawa kecewa juga dalam kehidupan kita di hari kemudian (di akhirat) maka sebab itulah Nabi kita (SAW) sangat mementingkan laku perangai yang baik, seperti sabdanya: *mā min shay' in fil mīzān athqala min ḥusnīl khuluq-* (*Abū Dāwud* dan *Tirmidhī*). Ertinya; “Tidak ada satu benda pun dalam neraca timbangan hari

kiamat kelak yang lebih berat daripada baik laku perangai. “Dan pada kali yang lain sabdanya pula: *“Akthara mā yadkhulul jannati taqwāllāha wa ḥusnul khuluq-* (*al-Tirmidhī*) Ertinya: “Benda yang terlebih banyak memasukkan orang ke dalam syurga ialah dua, iaitu taqwa akan Allah dan baik laku perangai. “Dan pada kali yang lain lagi ia berkata: *“afḍalu al-nās īmānān aḥsanuhum khalqān”*. Ertinya: “Orang yang tertinggi sekali darjah imannya dalam antara orang banyak ialah barang siapa daripada mereka itu yang terlebih baik sekali laku perangainya. “Dan diriwayatkan juga bahawa Nabi (s. a. w) selalu berdoa dengan berkata: *“Allahumma kamā ḥassanta khalqī fa ḥassin khuluqī”*- (*Musnid Ibn Hanbal*). Ertinya: “Hai Tuhan! Sebagaimana Engkau telah molekan kejadian diriku maka begitulah pula molekan olehmu laku perangaiku”. Bahkan oleh sebab tersangat pentingnya perkara kebaikan laku perangai ini dalam tujuan agama Islam maka Nabi kita telah menjumlahkan tujuan ia telah diutuskan jadi Rasul membawa ugama Islam itu dengan katanya: *Innamā bu'ithtu li 'utammima makārimal akhlāq-* (*Ibn Hanbal*). Ertinya. “Bahawasanya aku ini telah dibangkitkan membawa agama tidaklah kerana lain melainkan dengan tujuan hendak menyempurnakan kemuliaan laku perangai (pada orang yang mahu mengikut aku)”.

*

Dalam bilangan akan datang “Qalam” akan menyiaran karangan Tuan Za‘ba bertajuk: “Apa perlunya didatangkan Ugama?” –P

Ramadān al-Mubārak

Umat Islam: Inilah dia bulan yang berbahagia.

Selamat Berpuasa.